

Negeri pantau projek tepi cerun

PUTRAJAYA: Semua kerajaan negeri setuju supaya pemaju yang mahu melaksanakan projek pembangunan atas kawasan kurang 300 meter dan kecerunan kurang 15 darjah perlu menyediakan Laporan Kesan Alam Sekitar (EIA) dan Laporan Geoteknik sebelum permohonan diluluskan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata persetujuan dicapai pada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyelesaian Pembangunan Tanah Tinggi dan Pulau-Pulau semalam dalam usaha mengawasi pembangunan di kawasan terbabit.

Sebelum ini, garis panduan itu menetapkan pembangunan di tanah tinggi untuk perumahan dan hotel tidak boleh dilakukan di kawasan lebih 300 meter dan kecerunan 35 darjah.

“Peraturan itu dimasukkan dalam Garis Panduan Pembangunan Tanah Tinggi dan Pulau 2005 yang dikemaskinikan dan akan dibentangkan di Kabinet untuk persetujuan.

“Selepas itu, semua pihak berkuasa tempatan seluruh negara akan mengguna pakai garis panduan itu dan pemaju perlu mematuhiinya sebelum permohonan diluluskan,” katanya selepas mesyuarat itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, setakat ini hanya tujuh negeri mengguna pakai garis panduan itu – Selangor, Kelantan, Pulau Pinang, Johor, Perak, Negeri Sembilan dan Terengganu.

Katanya, mesyuarat juga bersetuju supaya pembinaan lebuhraya pada masa akan datang tidak lagi menggunakan kaedah memotong bukit, sebaliknya terowong dan jambatan untuk mengurangkan kos merawat alam sekitar pada masa akan datang.

“Kerajaan mengakui kaedah memotong bukit mampu menjimatkan kos pembinaan tetapi kos merawat alam sekitar adalah tinggi.

“Untuk menjimatkan kos merawat, kita bersetuju supaya pembinaan terowong dan jambatan itu turut dimasukkan dalam garis panduan berkenaan,” katanya.